

## PUBLIC ISLAMIC SELECT TREASURES FUND (PUBLIC DANA KHAZANAH TERPILIH ISLAMIK) (PISTF)

### PENYATAAN TANGGUNGJAWAB

Helaian Penting Produk ini telah diteliti dan diluluskan oleh pengarah-pengarah Public Mutual Berhad dan mereka secara bersama dan berasingan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas ketepatan maklumat. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, mereka mengesahkan bahawa berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan mereka, tidak terdapat kenyataan palsu atau mengelirukan, atau ada fakta lain yang ketinggalan yang akan menjadikan sebarang kenyataan di dalam Helaian Penting Produk ini palsu atau mengelirukan.

### PENYATAAN PENAFIAN

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah membenarkan penerbitan PISTF dan satu salinan Helaian Penting Produk ini telah diserahkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kebenaran yang diberikan untuk PISTF dan penyerah simpanan Helaian Penting Produk ini, tidak harus dianggap bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan PISTF, atau bertanggungjawab untuk ketepatan kenyataan atau pendapat atau laporan yang dinyatakan di dalam Helaian Penting Produk ini.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang ketakdedahan bagi pihak Public Mutual Berhad, yang bertanggungjawab untuk PISTF dan tidak mengambil tanggungjawab ke atas kandungan Helaian Penting Produk ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak mengesahkan ketepatan atau kesempurnaan Helaian Penting Produk ini, dan secara jelas menolak sebarang liabiliti yang terbit daripada atau bersandarkan kepada seluruh atau mana-mana bahagian kandungannya.

*Helaian Penting Produk ini adalah terjemahan daripada versi Bahasa Inggeris. Jika terdapat sebarang perbezaan kandungan, Helaian Penting Produk versi Bahasa Inggeris dianggap muktamad.*

### HELAIAN PENTING PRODUK

**Helaian Penting Produk (PHS) ini hanya memaparkan ciri-ciri utama dan risiko dana amanah saham ini. Pelabur adalah dinasihatkan untuk meminta, membaca dan memahami prospektus dana sebelum membuat keputusan untuk melabur.**

**PISTF telah disahkan sebagai patuh Syariah oleh Penasihat Syariah yang dilantik untuk dana.**

### MAKLUMAT RINGKAS PRODUK

#### Apakah produk ini?

<b>Jenis produk</b>	Dana amanah saham
<b>Modal dilindungi atau dijamin</b>	Tidak
<b>Pengurus dana</b>	Public Mutual Berhad
<b>Pemegang amanah dana</b>	AmanahRaya Trustees Berhad
<b>Penasihat Syariah dana</b>	ZICO Shariah Advisory Services Sdn. Bhd.
<b>Pengedar dana</b>	Perunding skim amanah saham Public Mutual Berhad

### CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

#### Apakah yang saya melabur?

<b>Kategori dana</b>	Ekuiti (patuh Syariah)
<b>Objektif dana</b>	Untuk mencapai pertumbuhan modal melalui pelaburan terutamanya di dalam syarikat patuh Syariah dengan permodalan pasaran sederhana dan kecil.

## PISTF

### Apakah yang saya melabur? (samb')

<b>Alokasi aset</b>	Saham patuh Syariah atau sekuriti yang setara dengan saham patuh Syariah	75% hingga 98% daripada nilai aset bersih (NAB)
	Baki NAB dana boleh dilaburkan dalam sukuk, instrumen pasaran wang Islam dan deposit Islam. <i>Jika prospek bagi pasaran ekuiti tidak menggalakkan, pendedahan saham patuh Syariah atau sekuriti yang setara dengan saham patuh Syariah boleh dikurangkan ke paras yang lebih rendah daripada julat yang dinyatakan di atas manakala pendedahan kepada sukuk, instrumen pasaran wang Islam dan deposit Islam boleh ditingkatkan sebagai strategi defensif sementara.</i>	
	Aset asing patuh Syariah	Sehingga 25% daripada NAB dana
<b>Lokasi aset</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia</li> <li>• Sehingga 25% daripada NAB boleh dilaburkan di pasaran asing termasuk:- <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ China</li> <li>➤ Hong Kong</li> <li>➤ Korea Selatan</li> <li>➤ Taiwan</li> <li>➤ Singapura</li> <li>➤ Thailand</li> <li>➤ Indonesia</li> <li>➤ Amerika Syarikat</li> </ul> </li> </ul>	

### KESESUAIAN PRODUK

#### Siapakah yang sesuai untuk dana ini?

<b>Profil pelabur</b>	Dana ini sesuai untuk pelabur jangka sederhana hingga panjang yang boleh bertahan kenaikan dan penurunan pasaran saham dalam mencapai pertumbuhan modal. <i>Nota: Jangka sederhana hingga panjang merujuk kepada tempoh 3 tahun atau lebih.</i>
-----------------------	--

### RISIKO-RISIKO UTAMA

#### Apakah risiko-risiko utama yang berkaitan dengan produk ini?

<b>Risiko pasaran</b>	Risiko pasaran merujuk kepada kemungkinan pelaburan akan kehilangan nilai akibat penurunan umum dalam pasaran kewangan yang disebabkan oleh keadaan ekonomi, politik dan/atau lain-lain faktor yang akan menyebabkan penurunan dalam NAB dana.
<b>Risiko sekuriti patuh Syariah tertentu</b>	Harga sesuatu sekuriti patuh Syariah tertentu mungkin berubah sebagai tindak balas kepada keadaan yang memberi kesan kepada syarikat individu. Oleh itu, pergerakan harga yang buruk sesuatu sekuriti patuh Syariah tertentu di mana dana melabur boleh menjejaskan NAB dan harga unit dana.
<b>Risiko kecairan</b>	Risiko kecairan merujuk kepada mudahnya untuk mencairkan aset bergantung kepada jumlah aset yang didagang di pasaran. Jika dana melabur dalam aset yang tidak cair atau yang sukar untuk dilupuskan, nilai dana akan mengalami kesan negatif apabila aset tersebut terpaksa dijual pada harga yang kurang memuaskan.
<b>Risiko ketidakpatuhan dengan keperluan Syariah</b>	Risiko ini merujuk kepada risiko di mana kemungkinan saham patuh Syariah yang dilabur oleh dana dikategorikan semula sebagai tidak patuh Syariah semasa kajian semula secara berkala ke atas saham yang dijalankan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Penasihat Syariah atau lembaga Syariah indeks Islam yang berkaitan. Jika ini berlaku, Pengurus akan mengambil langkah yang perlu untuk melupuskan saham tersebut. Mungkin terdapat kerugian melepas ke atas dana kerana dana tidak dibenarkan untuk menyimpan lebihan keuntungan modal yang diperolehi daripada pelupusan saham tidak patuh Syariah tersebut. Nilai dana mungkin terjejas sekiranya pelupusan saham tidak patuh Syariah dilaksanakan pada harga yang lebih rendah daripada kos pelaburan.

**Anda dinasihatkan untuk membaca prospektus dana dan memahami risiko yang terlibat dan, jika perlu, berunding dengan penasihat profesional anda sebelum melabur.**

**YURAN & CAJ**

**Apakah yuran dan caj yang terlibat?**

<b>Caj jualan</b>	Sehingga 5.0% daripada NAB seunit. <i>Pengurus boleh mengikut budi bicaranya untuk mengenakan caj jualan yang lebih rendah.</i>			
<b>Caj penebusan</b>	Tiada			
<b>Caj tukar ganti</b>	Ke Dana Penerima	Dana Ekuiti / Aset Campuran / Seimbang	Dana Sukuk / Bon / Pendapatan Tetap	Dana Pasaran Wang
	Tukar ganti keluar/(Keluar)			
	Dalam masa 90 hari:			
	- Unit beban	Sehingga 0.75% *	Sehingga 0.75% *	Sehingga 0.75% *
	- Unit beban separa	Sehingga 0.50% *	Sehingga 0.50% *	Sehingga 0.50% *
	Selepas 90 hari:			
- Unit beban	Sehingga RM50	Sehingga RM50	Tiada	
- Unit beban separa	Sehingga 0.50% *	Sehingga 0.50% *	Tiada	
<i>Nota:</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Unit beban ialah unit yang dikenakan caj jualan sebanyak 3% atau lebih melalui pelaburan dalam dana ekuiti/aset campuran/seimbang.</i></li> <li>• <i>Unit beban separa ialah unit yang dikenakan caj jualan kurang daripada 3% melalui pelaburan dalam dana ekuiti/aset campuran/seimbang.</i></li> </ul> <i>* Tertakluk kepada minimum RM50, yang mana lebih tinggi.</i>				
<b>Caj pemindahan</b>	Sehingga RM50 setiap pemindahan.			
<b>Yuran pengurusan</b>	1.50% setahun daripada NAB.			
<b>Yuran pemegang amanah</b>	0.06% setahun daripada NAB, tertakluk kepada yuran minimum sebanyak RM18,000 dan yuran maksimum sebanyak RM600,000 setahun.			

*Nota: Yuran dan caj di atas mungkin tertakluk kepada sebarang cukai dan/atau duti yang dikenakan (jika ada) yang perlu dibayar oleh anda.*

**Terdapat yuran dan caj yang terbabit dan anda dinasihatkan mempertimbangkannya sebelum membuat pelaburan dalam dana.**

**PRESTASI PISTF**

**Pulangan Tahunan Purata bagi tempoh berikut berakhir 31 Mei 2025**

	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	10 Tahun	Sejak Permulaan*
PISTF (%)	-7.79	4.24	6.02	4.96	9.71
Indeks penanda aras (%)**	-17.33	-0.88	3.06	0.57	5.81

**Jumlah Pulangan Tahunan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mei**

	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025
PISTF (%)	3.80	11.16	-6.80	-0.96	8.00	28.25	-9.98	2.69	19.04	-7.79
Indeks penanda aras (%)**	-0.54	19.93	-16.34	-5.94	-2.32	27.95	-7.44	-8.65	28.94	-17.33

## PISTF

### Ulasan Prestasi Dana 1 Tahun

PISTF mencatatkan jumlah pulangan sebanyak -7.79% bagi tahun kewangan berakhir 31 Mei 2025 berbanding dengan pulangan penanda aras sebanyak -17.33% dalam tempoh yang sama.

Nota:

\* Angka yang ditunjukkan adalah untuk tempoh sejak permulaan dana (17 Mac 2008).

\*\* Sebelum 30 April 2013, penanda aras dana adalah Indeks Syariah EMAS FTSE Bursa Malaysia (FBMS).

Dari 30 April 2013 hingga 29 April 2015, penanda aras dana telah ditukar kepada Indeks Syariah Small Cap FTSE Bursa Malaysia.

Berkuatkuasa dari 30 April 2015, penanda aras dana telah digantikan dengan indeks khusus oleh FTSE berdasarkan jujuk-jujuk dengan permodalan pasaran kurang daripada RM6.0 bilion dalam FBMS.

Pengiraan pulangan di atas adalah berasaskan NAB kepada NAB, dan sumbernya diperoleh daripada Lipper.

Pulangan tahunan purata dana diperoleh dengan membahagikan jumlah pulangan dana dengan bilangan tahun bawah kajian.

Tarikh permulaan ialah hari terakhir tempoh tawaran awal.

### Nisbah Pusing Ganti (PTR)

	2023	2024	2025
PTR (kali)	0.07	0.17	0.20

PTR dana meningkat daripada 0.07 kali bagi tahun kewangan berakhir 2023 kepada 0.17 kali bagi tahun kewangan berakhir 2024 dan seterusnya meningkat kepada 0.20 kali bagi tahun kewangan berakhir 2025 disebabkan tahap aktiviti pengimbangan semula yang lebih tinggi yang dilaksanakan oleh dana.

### Agihan

	2023	2024	2025
Agihan kasar seunit (sen)	1.25	-	-
Agihan bersih seunit (sen)	1.25	-	-

Agihan adalah dalam bentuk tunai.

**PRESTASI DANA PADA MASA LALU TIDAK MENJADI PETUNJUK UNTUK PRESTASI MASA HADAPAN**

### MAKLUMAT TAMBAHAN

#### Penilaian

NAB dana ini dikira dan harga unit disiarkan pada setiap hari urus niaga di [www.publicmutual.com.my](http://www.publicmutual.com.my).

#### Pembelian dan penebusan unit

Anda boleh membeli dan menebus unit dana pada mana-mana hari urus niaga pada NAB dana yang ditentukan seterusnya.

#### Pelaburan permulaan

- Pelaburan permulaan minimum\*: RM1,000.
- Pelabur yang merupakan pelanggan Public Mutual Online (PMO) boleh membeli unit dana secara dalam talian.
- Sekiranya anda bukan pelanggan PMO, anda juga boleh mendaftar untuk menjadi pelanggan PMO secara dalam talian di laman web kami atau melalui kios Pintar kami yang terletak di cawangan kami atau di Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di Pusat Membeli-belah 1 Utama.
- Jika sebaliknya, sila hantarkan borang permohonan pelaburan yang lengkap bersama-sama dengan cek kepada mana-mana cawangan Public Bank Berhad.
- Untuk pelabur kali pertama Public Mutual Berhad, anda dikehendaki mengisi Borang Pelabur Baharu atau mendaftar secara dalam talian melalui "New Investor Online Enrolment" di PMO.

#### Pelaburan tambahan

- Pelaburan tambahan minimum\*: RM100.
- Anda boleh melabur secara berkala melalui PMO, arahan debit terus kepada bank atau dengan membuat deposit cek ke dalam akaun kutipan yang terdapat di Public Bank Berhad.

Nota: \* Pengurus boleh mengubah jumlah minimum pelaburan permulaan dan tambahan dari semasa ke semasa.

**Pembelian dan penebusan unit (samb’)**



**Bagaimana Anda Perlu Menulis Cek**

Cek mestilah dibayar kepada:

**Pelabur Individu**

**“Public Mutual Berhad - Nama & Nombor MyKad/Pasport Anda”.**

**Pelabur Korporat**

**“Public Mutual Berhad - Nama & Nombor Pendaftaran Syarikat Anda”.**

Sila tulis nama, nombor MyKad/pasport/nama & nombor pendaftaran syarikat dan nombor telefon anda di belakang cek.

Hak bertenang

- Hanya untuk pelabur individu kali pertama Public Mutual Berhad.
- Permintaan anda mesti dihantar sama ada kepada Ibu Pejabat Public Mutual Berhad atau mana-mana pejabat cawangannya dalam tempoh 6 hari urus niaga dari tarikh borang permohonan pelaburan dan bayaran diterima oleh Public Mutual Berhad.
- Bayaran balik akan dibayar dalam tempoh 7 hari urus niaga dari tarikh pelaksanaan hak ini.
- Bayaran balik bagi setiap unit yang dilabur adalah jumlah harga unit (iaitu harga asal pada hari unit dibeli atau harga pasaran pada titik pelaksanaan hak bertenang, yang mana yang lebih rendah) dan caj jualan yang dikenakan (dan sebarang cukai dan/atau duti yang diguna pakai, jika ada) pada hari unit dibeli.
- Kakitangan Pengurus dan individu yang berdaftar dengan badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) untuk mengurus niaga dalam dana amanah saham tidak layak untuk hak bertenang ini.

Penebusan

- Unit penebusan minimum: 1,000 unit.
- Anda boleh melaksanakan permohonan penebusan anda melalui PMO atau dengan mengisi dan menyerahkan borang penebusan pada mana-mana hari urus niaga kepada pejabat cawangan Public Mutual Berhad yang terdekat atau Ibu Pejabat Public Mutual Berhad.
- Hasil penebusan anda akan dibayar dalam tempoh 7 hari urus niaga dari tarikh penerimaan permohonan anda. Jika penebusan separa menyebabkan baki di dalam akaun anda kurang daripada 1,000 unit, Pengurus boleh menebus keseluruhan akaun.

**ANDA DILARANG MEMBUAT BAYARAN TUNAI UNTUK PELABURAN**



**PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM DAN KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD TIDAK DIBENARKAN MENERIMA PELABURAN DALAM BENTUK TUNAI DALAM APA JUA KEADAAN.**

*Public Mutual Berhad tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian yang ditanggung sekiranya anda memberi wang tunai kepada perunding skim amanah saham atau kakitangan kami.*



**ANDA DILARANG MEMBUAT BAYARAN TUNAI KEPADA PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.**

**ANDA DILARANG MEMBUAT DEPOSIT ATAU PINDAHAN KE AKAUN BANK PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.**



**ANDA DILARANG MENGELUARKAN CEK DI ATAS NAMA PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.**

## APA YANG ANDA PERLU TAHU

**Dana ini bukan dana jaminan modal atau lindungan modal.**

**Harga unit dan agihan boleh bayar, jika ada, mungkin turun atau naik.**

**Prestasi dana pada masa lalu tidak menjadi petunjuk untuk prestasi masa hadapan.**

**Apabila pecahan unit atau agihan diisytiharkan, berikutan terbitan pecahan unit dan/atau agihan, NAB seunit akan berkurangan dengan sewajarnya bagi mencerminkan/mengambil kira pecahan unit dan/atau agihan tersebut.**

**Apabila pecahan unit diisytiharkan, nilai pelaburan dalam sebutan Ringgit Malaysia tidak akan berubah selepas pengagihan unit tambahan.**

## MAKLUMAT HUBUNGAN

### Siapakah yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut mengenai dana?

Untuk maklumat berkaitan dana, anda boleh berunding/menghubungi:

- Perunding skim amanah saham yang berdaftar dengan Federation of Investment Managers Malaysia (FIMM);
- Talian Perkhidmatan Pelanggan Public Mutual Berhad di 03-2022 5000; atau
- E-mel kami di [customer@publicmutual.com.my](mailto:customer@publicmutual.com.my).

### Siapakah yang perlu saya hubungi untuk membuat aduan?

1. Bagi penyelesaian pertikaian dalaman, anda boleh menghubungi Talian Perkhidmatan Pelanggan kami di 03-2022 5000.
2. Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan proses penyelesaian pertikaian dalaman, sila rujuk pertikaian anda kepada Financial Markets Ombudsman Service (FMOS):
  - (a) melalui telefon kepada : 03-2272 2811
  - (b) melalui borang aduan dalam talian yang tersedia di [www.fmos.org.my](http://www.fmos.org.my)
  - (c) melalui surat kepada : Financial Markets Ombudsman Service (FMOS)  
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur
3. Anda juga boleh membuat aduan terus kepada SC walaupun anda telah memulakan proses penyelesaian pertikaian dengan FMOS. Untuk membuat aduan, sila hubungi Pejabat Pengguna & Pelabur SC:
  - (a) melalui telefon kepada Aduan Hotline di : 03-6204 8999
  - (b) melalui faks kepada : 03-6204 8991
  - (c) melalui e-mel kepada : [aduan@seccom.com.my](mailto:aduan@seccom.com.my)
  - (d) melalui borang aduan dalam talian yang tersedia di [www.sc.com.my](http://www.sc.com.my)
  - (e) melalui surat kepada : Pejabat Pengguna & Pelabur  
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia  
No. 3, Persiaran Bukit Kiara  
Bukit Kiara  
50490 Kuala Lumpur
4. Biro Aduan FIMM:
  - (a) melalui telefon kepada : 03-7890 4242
  - (b) melalui e-mel kepada : [complaints@fimm.com.my](mailto:complaints@fimm.com.my)
  - (c) melalui borang aduan dalam talian yang tersedia di [www.fimm.com.my](http://www.fimm.com.my)
  - (d) melalui surat kepada : Legal & Regulatory Affairs  
Federation of Investment Managers Malaysia  
19-06-01, 6<sup>th</sup> Floor Wisma Capital A  
No. 19, Lorong Dungun  
Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur

*PHS ini akan dikemaskini pada 28 Ogos 2026. Anda boleh merujuk kepada laman web kami di [www.publicmutual.com.my](http://www.publicmutual.com.my) untuk PHS yang telah dikemaskini.*